



Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 5 Mei 2021

Kepada Semua

Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Penolong Naib Canselor
Rektor UiTM Cawangan/Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit/ Staf dan Pelajar
Universiti Teknologi MARA

ویرگاتة ورحمة الله عليكم ویرگاتة dan selamat sejahtera

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI NEGERI/DAERAH YANG DIKENALPASTI

Perkara di atas dan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 5/2021 pada 5 Mei 2021 dengan hormatnya dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Kanan Pertahanan pada 4 Mei 2021 telah mengumumkan berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi 6 daerah di Selangor iaitu Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat dan Sepang berkuat kuasa mulai 6 Mei 2021 hingga 17 Mei 2021 atau tarikh lain yang dilanjutkan (jika ada).
3. Kerajaan sebelum ini telah membuat pemakluman berkenaan negeri-negeri di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau sebahagian kawasan di negeri berkaitan di bawah kategori PKP.
4. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 15/2021 pada 5 Mei 2021 bersetuju:
 - i. daerah/negeri yang dimaklumkan berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah masih selari pengoperasiannya dengan pematuhan *standard operating procedure* (SOP) di dalam Pekeliling Naib Canselor Bil. 1 Tahun 2021 bertarikh 12 Januari 2021.
 - ii. kehadiran Bekerja di Pejabat (BDP) adalah 30% bagi kawasan PKP dan PKPB dan kehadiran secara optimum bagi kawasan PKPP. Sekiranya terdapat keperluan keberadaan atas kepentingan pengajaran dan pembelajaran dan penyampaian perkhidmatan penting UiTM, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) boleh memutuskan keberadaan staf di PTJ masing-masing.

Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 5 Mei 2021

- iii. adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab utama semua warga memastikan borang SaringC19UiTM diisi setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad supaya mengetahui kategori risiko masing-masing. Semua warga juga diminta untuk mengimbas *QR Code* SaringC19 dan MySejahtera di setiap premis atau PTJ yang dimasuki atau berurusan seperti yang telah diarahkan melalui surat Naib Canselor mengenai Arahan Pelaksanaan dan Pemantauan Saringan Harian COVID-19 Melalui Sistem SaringC19 dan MySejahtera bertarikh 30 Oktober 2020.
- iv. bagi pergerakan pelajar pulang pelajar sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, ia diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, serta pemakluman akan dibuat dari masa ke semasa. Soalan lazim berkaitan perkara ini boleh dirujuk di: <https://www.mohe.gov.my/en/hebahan/soalan-lazim/pergerakan-pulang-pelajar-ipt-sempena-sambutan-hari- raya-aidilfitri-2021>.

5. Berikutan peningkatan kes COVID-19 pada masa ini, pihak Universiti memandang serius terhadap tahap pematuhan SOP dalam kalangan warga. Sehubungan itu, Ketua PTJ hendaklah memastikan SOP seperti yang telah digariskan oleh MKN, KKM dan UiTM adalah dipatuhi dalam usaha memutuskan rantai wabak COVID-19 demi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan bersama.


Sekian, harap maklum.

Terima kasih والسلام

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar



PROFESOR DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor